

**KESAN KAUNSELING INDIVIDU TERAPI RASIONAL EMOSI DAN
TINGKAH LAKU (REBT), KAUNSELING SEDIA ADA (KSA) DAN
KUMPULAN KAWALAN (KK) TERHADAP TINGKAH LAKU
AGRESIF MURID SEKOLAH MENENGAH**

Oleh

AZEMI BIN SHAARI

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Januari 2014



BORANG SOAL SELIDIK

TAJUK KAJIAN

PENDEDAHAN KENDIRI REMAJA BERTINGKAH LAKU AGRESIF DALAM SESI KAUNSELING PENDEKATAN *RATIONAL EMOTIVE BEHAVIOR THERAPY* (REBT)

Kerjasama dari pelajar amat diharapkan untuk menjawab soal selidik ini dengan jujur. Tanggapan yang pertama adalah penting semasa menjawab. Segala maklumat yang diberikan adalah rahsia.

Borang soal selidik ini mempunyai bahagian berikut;

- Bahagian A : Demografi
- Bahagian B : Alat ukur Inventory Parent Assesment
- Bahagian C : Aggression Questionnaire (AQ)
- Bahagian D : Self Disclosure

Sila jawab **SEMUA** pernyataan.

Terima kasih atas kerjasama anda.

Penyelidik : Azemi bin Shaari (SPD0193)
Program : PhD
Penyelia : Dr Rahimi binti Che Aman

LAMPIRAN 1
BAHAGIAN A
DEMOGRAFI

No Responden	
--------------	--

1. Umur tahun

2. Tingkatan

Jantina :

1. Lelaki

2. Perempuan

Status Ibu Bapa

1. Bersama

2. Berpisah

3. Meninggal dunia

Anda tinggal bersama siapa

1. Ibu bapa

2. Ibu

3. Bapa

4. Penjaga

5. Ibu bapa angkat

6. Lain-lain nyatakan

Bilangan sesi kaunseling yang telah anda hadiri

Anda berjumpa kaunselor secara

1. sukarela

2. dirujuk

BAHAGIAN B

Alat ukur Perapatan Keluarga

Bahagian B1

Arahan

Bahagian ini adalah pernyataan mengenai perasaan anda terhadap ibu anda atau penjaga anda (perempuan). Seandainya anda mempunyai dua atau lebih ibu/penjaga jawab pada pernyataan berdasarkan siapakah antara mereka yang paling mempengaruhi kehidupan diri anda.

Sila baca setiap item. Tanda X pada satu jawapan sahaja bagi yang sesuai dengan anda.

Bil	Pernyataan	Sangat tidak setuju	Tidak Setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
1	Ibu saya menghormati perasaan saya					
2	Saya merasakan bahawa ibu saya telah melaksanakan tanggungjawab beliau sebagai seorang ibu.					
3	Saya mengharapkan mempunyai ibu yang lain					
4	Ibu menerima saya seperti mana saya sekarang					
5	Saya suka mendapatkan pandangan ibu terhadap perkara yang ingin dilaksanakan.					
6	Tidak ada faedahnya melahirkan perasaan saya kepada ibu.					
7	Ibu mampu menyatakan perasaan saya bila saya dalam kesedihan.					
8	Berbincang masalah saya dengan ibu sesuatu yang memalukan.					
9	Harapan ibu terhadap saya terlalu tinggi.					
10	Saya mudah kecewa dengan ibu saya.					
11	Sebenarnya saya terlalu kecewa lebih dari apa yang ibu faham.					

12	Apabila saya berbincang dengan ibu saya, beliau mengambil kira pendapat saya.					
13	Ibu yakin setiap keputusan yang saya ambil					
14	Ibu mempunyai masalah beliau tersendiri, oleh itu saya tidak ambil kisah terhadap pandangan beliau pada saya.					
15	Ibu banyak membantu saya memahami diri saya					
16	Saya menceritakan masalah pada ibu					
17	Saya amat marah pada ibu.					
18	Saya tidak mendapat perhatian dari ibu					
19	Ibu banyak membantu saya untuk meluahkan kesusahan saya					
20	Ibu memahami saya					
21	Bila saya marah terhadap sesuatu perkara ibu cuba memahami kenapa saya marah					
22	Saya amat mempercayai ibu.					
23	Ibu tidak pernah memahami apa yang saya hadapi sekarang.					
24	Saya tidak dapat bantuan ibu bila saya amat perlu bantuan					
25	Jika ibu mengetahui saya risau terhadap sesuatu perkara, dia akan bertanya kenapa.					

Bahagian B2

Bahagian ini adalah pernyataan mengenai perasaan anda terhadap bapa anda atau penjaga anda (lelaki). Seandainya anda mempunyai dua atau lebih bapa/penjaga jawab pada pernyataan berdasarkan siapakah antara mereka yang paling memperagaruhi kehidupan diri anda.

Arahan

Sila baca setiap item. Tanda X pada satu jawapan sahaja bagi yang sesuai dengan anda.

Bil	Pernyataan	Sangat tidak setuju	Tidak Setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
1	Bapa saya menghormati perasaan saya					
2	Saya merasakan bahawa bapa saya telah melaksanakan tanggungjawab beliau sebagai seorang bapa.					
3	Saya mengharapkan mempunyai bapa yang lain					
4	Bapa menerima saya seperti mana saya sekarang					
5	Saya suka mendapatkan pandangan bapa terhadap perkara yang ingin laksanakan.					
6	Tidak ada faedahnya melahirkan perasaan saya kepada bapa.					
7	Bapa mampu menyatakan perasaan saya bila saya dalam kesedihan.					
8	Berbincang masalah saya dengan bapa sesuatu yang memalukan.					
9	Harapan bapa terhadap saya terlalu tinggi.					
10	Saya mudah kecewa dengan bapa saya.					
11	Sebenarnya saya terlalu kecewa lebih dari apa yang bapa faham.					
12	Apabila saya berbincang dengan bapa saya, beliau mengambil kira pendapat saya.					
13	Bapa yakin setiap keputusan yang saya ambil					

14	Bapa mempunyai masalah beliau tersendiri, oleh itu saya tidak ambil kisah terhadap pandangan beliau pada saya.					
15	Bapa banyak membantu saya memahami diri saya					
16	Saya menceritakan masalah pada bapa.					
17	Saya amat marah pada bapa.					
18	Saya tidak mendapat perhatian dari bapa.					
19	Bapa banyak membantu saya untuk meluahkan kesusahan saya					
20	Bapa memahami saya					
21	Bila saya marah terhadap sesuatu perkara bapa cuba memahami kenapa saya marah.					
22	Saya amat mempercayai bapa.					
23	Bapa tidak pernah memahami apa yang saya hadapi sekarang.					
24	Saya tidak dapat bantuan bapa bila saya amat perlu bantuannya.					
25	Jika bapa mengetahui saya risau terhadap sesuatu perkara, dia akan bertanya kenapa.					

Bahagian C

Aggression Questionnaire (Buss & Perry, 1992)

Arahan:

Menggunakan LIMA 5 skala di bawah, nyatakan samada kriteria di bawah melambangkan diri anda. Masukkan jawapan X di sebelah kanan setiap item.

Bil	Item	Dimensi	Sangat tidak melambangkan saya	tidak melambangkan saya	tidak pasti	melambangkan kriteria saya	Sangat melambangkan kriteria saya
1.	Rakan saya menyatakan saya panas baran	A					
2.	Jika perlu memilih cara keganasan untuk mempertahankan hak saya, saya akan laksanakan.	PA					
3.	Saya akan merasakan seorang yang baik dengan saya mempunyai tujuan tertentu.	H					
4.	Saya akan menyatakan secara terbuka kepada rakan saya jika saya tidak bersetuju dengan beliau.	VA					
5.	Saya boleh memecahkan barangan bila terlalu marah.	PA					
6.	Saya tidak mampu menahan dari bertengkar jika ada yang tidak setuju dengan saya.	VA					
7.	Saya tertanya-tanya kenapa kadang-kadang saya merasa begitu pahit menghadapi sesuatu perkara.	H					
8.	Kadangkala saya tidak mampu untuk bertengkar dengan orang lain.	PA					
9.*	Saya tidak begitu pemarah.	A					
10.	Saya mudah curiga kepada rakan yang baru dikenali.	H					
11.	Saya pernah mengancam rakan saya.	PA					
12.	Saya mudah marah tetapi cepat sejuk kembali.	A					
13.	Jika terlalu di acah, saya mudah bertindak balas dengan kasar.	PA					
14.	Jika ada orang mengabaikan saya. Saya akan nyatakan perasaan saya pada mereka.	VA					
15.	Kadangkala saya terpengaruh oleh cemburu.	H					
16.*	Saya merasakan tidak ada alasan untuk memukul orang lain.	PA					
17.	Kadangkala saya rasa tidak mendapat kehidupan dan layanan yang adil.	H					
18.	Saya mempunyai masalah mengawal perasaan marah.	A					
19.	Jika saya kecewa, saya akan tunjukkan kekecewaan saya.	A					

20.	Kadangkala saya memikirkan orang mentertawakan dibelakang saya.	H					
21.	Saya selalu bercangah pendapat dengan orang lain.	VA					
22.	Saya akan memukul kembali orang yang mumukul saya.	PA					
23.	Kadangkala saya merasakan kemarahan saya tidak boleh di kawal.	A					
24.	Saya merasakan orang lain mendapat rehat yang cukup.	H					
25.	Kadangkala ada individu yang boleh menyebabkan saya menjadi marah.	PA					
26.	Saya mengetahui rakan-rakan bercakap mengenai saya di belakang saya	H					
27.	Rakan menyatakan saya suka bertengkar/berdebat	VA					
28.	Kadangkala saya gagal mengawal perasaan tanpa sebab	A					
29.	Secara puratanya saya mudah bergaduh berbanding dengan orang lain.	PA					

**SOAL SELIDIK PENDEDAHAN KENDIRI (SELF DISCLOSURE)
OLEH SIDNEY M. JOURARD DAN PAUL LASAKOW (1958)
TELAH DIUBAH SUAI MENGIKUT KEHENDAK KAJIAN TANPA MENGUBAH MAKSUD ITEM DAN PEMBAHAGIAN DIMENSI OLEH
AZEMI SHAARI 2010**

ARAHAN:

SILA TANDA (/) DALAM PETAK YANG MEWAKILI JAWAPAN PADA SETIAP ITEM YANG ANDA PERSETUJUI. TERDAPAT 4 SKALA DALAM SETIAP ITEM . ANDA HANYA PERLU MENANDA SATU SAHAJA DARI SETIAP ITEM TERSEBUT YANG MEWAKILI JAWAPAN ANDA:

- | | | |
|----------|-----------------|--|
| 0 | mewakili | <u>TIDAK MEMBERITAHU</u> APA-APA MENGENAI PERKARA INI |
| 1 | mewakili | HANYA <u>MEMBERITAHU PERKARA ASAS SAHAJA</u> MENGENAI PERKARA INI |
| 2 | mewakili | <u>MEMBERITAHU SECARA KHUSUS</u> MENGENAI PERKARA INI |
| X | mewakili | SAYA <u>TIDAK BERCAKAP BENAR</u> TERHADAP PERKARA INI |

CONTOH

A: Sikap dan Pendapat

Saya akan memberitahu kepada kaunselor tentang;

1. Keagamaan.
2. Polisi kerajaan termasuk isu Perdana Menteri , polisi, politik dll.
3. Standard atau piawai kecantikan seorang wanita.
4. Kesempurnaan seorang lelaki yang menarik.
5. Bagaimana ibu bapa melayan anak-anak.

	No Item	Skala Pendedahan Kendiri Saya Kepada Kaunselor			
		TIDAK MEMBERITAHU APA-APA MENGENAI PERKARA INI 0	HANYA MEMBERITAHU PERKARA ASAS SAHAJA MENGENAI PERKARA INI 1	MEMBERITAHU SECARA KHUSUS MENGENAI PERKARA INI 2	SAYA TIDAK BERCAKAP BENAR TERHADAP PERKARA INI X
Sikap dan Pendapat	1		/		
	2	/			
	3				/
	4				/
	5			/	

A. SIKAP DAN PENDAPAT

Saya akan memberitahu kepada kaunselor tentang;

1. Pegangan dan pandangan keagamaan saya.
2. Polisi kerajaan termasuk isu Perdana Menteri , polisi,politik dll.
3. *Standard* atau piawai kecantikan seorang wanita pada pandangan dan citarasa saya.
4. Kesempurnaan seorang lelaki yang menarik pada pandangan dan citarasa saya.
5. Bagaimana ibu bapa melayan anak-anak pada pandangan dan citarasa saya.

Dimensi	No Item	Skala Pendedahan Kendiri Saya Kepada Kaunselor			
		<u>TIDAK MEMBERITAHU APA-APA MENGENAI PERKARA INI</u> 0	<u>HANYA MEMBERITAHU PERKARA ASAS SAHAJA MENGENAI PERKARA INI</u> 1	<u>MEMBERITAHU SECARA KHUSUS MENGENAI PERKARA INI</u> 2	<u>SAYA TIDAK BERCAKAP BENAR TERHADAP PERKARA INI</u> X
SIKAP DAN PENDAPAT	1				
	2				
	3				
	4				
	5				

B. CITA RASA DAN MINAT

Saya akan memberitahu kaunselor tentang;

1. Makan kegemaran, kualiti makanan dan cara penyediaan makanan yang saya suka.
2. Muzik yang saya suka dan tidak suka.
3. Tayangan *movies* dan rancangan TV yang paling saya suka.
4. Pakaian yang saya suka dan tidak suka.
5. Masa senggan saya (*free time*).

Dimensi	No Item	Skala Pendedahan Kendiri Saya Kepada Kaunselor			
		<u>TIDAK MEMBERITAHU APA-APA MENGENAI PERKARA INI</u> 0	<u>HANYA MEMBERITAHU PERKARA ASAS SAHAJA MENGENAI PERKARA INI</u> 1	<u>MEMBERITAHU SECARA KHUSUS MENGENAI PERKARA INI</u> 2	<u>SAYA TIDAK BERCAKAP BENAR TERHADAP PERKARA INI</u> X
CITA RASA DAN MINAT	1				
	2				
	3				
	4				
	5				

C. PEMBELAJARAN

Saya akan memberitahu kaunselor tentang ;

1. Tekanan dalam pembelajaran saya
2. Perkara yang menyeronokan dalam pembelajaran saya
3. Kelebihan yang ada dalam diri saya mengenai pembelajaran
4. Kepuasan dan kekecewaan dalam memilih aliran pengajian
5. Perasaan saya terhadap guru dan rakan –rakan sepengajian.

	No Item	Skala Pendedahan Kendiri Saya Kepada Kaunselor			
		<u>TIDAK MEMBERITAHU APA-APA MENGENAI PERKARA INI</u> 0	<u>HANYA MEMBERITAHU PERKARA ASAS SAHAJA MENGENAI PERKARA INI</u> 1	<u>MEMBERITAHU SECARA KHUSUS MENGENAI PERKARA INI</u> 2	<u>SAYA TIDAK BERCAKAP BENAR TERHADAP PERKARA INI</u> X
PEMBELAJARAN	1				
	2				
	3				
	4				
	5				

D. KEWANGAN

Saya akan memberitahu kaunselor tentang ;

1. Hutang saya
2. Wang simpanan saya
3. Siapa yang berhutang kepada saya.
4. Semua pendapatan saya
5. Bagaimana saya mengurus kewangan (budgeting)

	No Item	Skala Pendedahan Kendiri Saya Kepada Kaunselor			
		<u>TIDAK MEMBERITAHU APA-APA MENGENAI PERKARA INI</u> 0	<u>HANYA MEMBERITAHU PERKARA ASAS SAHAJA MENGENAI PERKARA INI</u> 1	<u>MEMBERITAHU SECARA KHUSUS MENGENAI PERKARA INI</u> 2	<u>SAYA TIDAK BERCAKAP BENAR TERHADAP PERKARA INI</u> X
KEWANGAN	1				
	2				
	3				
	4				
	5				

E. SAHSIAH

Saya akan memberitahu kaunselor tentang;

1. Personaliti saya yang saya tidak suka dan kelemahan saya.
2. Minat saya kepada rakan yang berlainan jantina.
3. Peristiwa lepas yang memalukan dan menyedihkan.
4. Perkara yang mengecewakan saya.
5. Perkara yang membanggakan saya.

	No Item	Skala Pendedahan Kendiri Saya Kepada Kaunselor			
		<u>TIDAK MEMBERITAHU APA-APA MENGENAI PERKARA INI</u> 0	<u>HANYA MEMBERITAHU PERKARA ASAS SAHAJA MENGENAI PERKARA INI</u> 1	<u>MEMBERITAHU SECARA KHUSUS MENGENAI PERKARA INI</u> 2	<u>SAYA TIDAK BERCAKAP BENAR TERHADAP PERKARA INI</u> X
SIASIAH	1				
	2				
	3				
	4				
	5				

F. FIZIKAL DAN BENTUK BADAN SAYA

Saya akan memberitahu kaunselor tentang ;

1. Ketrampilan bentuk badan yang saya inginkan.
2. Persaan saya terhadap rupa dan bentuk anggota badan saya seperti pinggang, dada, pinggul,kaki dll
3. Permasalahan bentuk dan ketrampilan tubuh badan masa lalu.
4. Masalah kesihatan dan rawatan saya yang lepas.
5. Usaha saya sekarang untuk memastikan saya sihat, hebat dan menarik.

	No Item	Skala Pendedahan Kendiri Saya Kepada Kaunselor .			
		<u>TIDAK MEMBERITAHU APA-APA MENGENAI PERKARA INI</u> 0	<u>HANYA MEMBERITAHU PERKARA ASAS SAHAJA MENGENAI PERKARA INI</u> 1	<u>MEMBERITAHU SECARA KHUSUS MENGENAI PERKARA INI</u> 2	<u>SAYA TIDAK BERCAKAP BENAR TERHADAP PERKARA INI</u> X
SIKAP DAN PENDAPAT	1				
	2				
	3				
	4				
	5				

**SOAL SELIDIK TAMAT
TERIMA KASIH**

ABSTRAK

Kesan Kaunseing Individu Terapi Rasional Emosi Dan Tingkah laku (REBT), Kaunseling Sedia Ada (KSA) Dan Kumpulan Kawalan (KK) Terhadap Tingkah Laku Agresif Murid Sekolah Menengah.

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap tingkah laku agresif, pendedahan sendiri dan perapatan keluarga murid sekolah menengah yang bertingkah laku agresif. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Untuk pendekatan kuantitatif kaedah kuasi eksperimen digunakan, manakala pendekatan kualitatif menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur. Sampel kajian dipilih secara rawak stratifikasi. Bilangan sampel seramai 120 orang remaja bertingkah laku agresif dari populasi 768 remaja di semua 142 buah sekolah menengah harian di negeri Kedah. Manakala pendekatan kualitatif mengambil 18 subjek kajian untuk di temu bual. Kesemua sampel kajian adalah mereka yang mempunyai rekod tingkah laku agresif bercorak fizikal berasaskan laporan kesalahan disiplin sekolah. Sampel kajian mendapat rawatan kaunseling individu pendekatan REBT dan KSA, manakala kumpulan kawalan tidak mendapat sebarang rawatan. Sampel kajian di beri soal selidik *Inventory of Parental Attachment (IPA)* Noriah Ishak (1999), *Aggression Questionnaire*, Bush & Perry, (1992), dan *The Self Disclosure Questionnaire (Jourard, 1958)* pra dan pasca rawatan REBT, KSA dan KK. Manakala pendekatan kualitatif menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur terhadap 18 subjek kajian. Keputusan analisis perbezaan min terhadap tingkah laku agresif, perapatan keluarga, pendedahan sendiri dan dimensi – dimensi dalam pendedahan sendiri iaitu pendapat, minat, pelajaran, kewangan, personaliti dan fizikal tubuh badan menunjukkan kesan positif setelah melalui rawatan REBT dan KSA. Tiga hipotesis kajian di uji dan di analisis menggunakan statistik ANCOVA dan dua soalan kajian di analisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil analisis ANCOVA terhadap tiga soalan kajian, mendapati rawatan REBT dan KSA memberi impak positif terhadap tingkah laku agresif, perapatan keluarga (bapa) dan pendedahan sendiri, kecuali perapatan keluarga (ibu) manakala dimensi pendapat dan kewangan dalam pendedahan sendiri menunjukkan impak yang negatif terhadap rawatan REBT dan KSA. Manakala kajian pendekatan kualitatif menunjukkan hubungan yang positif klien dengan kaunselor dari kumpulan yang mendapat sesi kaunseling pendekatan REBT. Manakala dalam aspek pendedahan sendiri subjek kajian memberi jawapan kesediaan membuat pendedahan sendiri semasa sesi kaunseling. Sehubungan dengan itu dapatan kajian dapat membuktikan bahawa pendekatan REBT berkesan dalam membantu remaja bertingkah laku agresif. Malah rawatan REBT dapat membantu klien dalam membuat pendedahan sendiri semasa sesi kaunseling dilaksanakan.

ABSTRACT

The Impact of the Rational Emotion Behavior Therapy (REBT) and Basic Counselling Skills on Secondary School Students with (Physical Aggression) Aggressive Behavior.

This study seeks to investigate the impact of applying the REBT and Basic Counselling Skills on secondary school students with (physical aggression) aggressive behaviour, self disclosure and parental attachment in the Malaysian context. Both quantitative and qualitative approaches are applied in this study. Through stratified random sampling, a total of 120 secondary school students with aggressive behaviour are selected from a population of 768 teenagers who study at the 142 secondary school in the state of Kedah. These group of students are subjected to the quasi-experimental methods, while 18 out of the total number of student also undergo a semi structured interview. Another criterion for selection is, these students possess records of physical aggression based on their school disciplinary reports. The sampel group receives REBT and Basic Counselling Skills treatment. Three sets of questionnaire namely the inventory of Parental Attachment (IPA), Noriah Ishak (1999), Aggression Questionnaire, Bush & Perry, (1992) and The Self Disclosure Questionnaire (Jourard, 1985), are then administered to the treatment group before and after the REBT and Basic Counseling Skills treatment. The results from the analysis of mean difference show that aggression, parental attachment, self disclosure and dimension of self disclosure namely opinion, interest, studies, financial state, personal and body physique show positive effects after being subjected to the REBT and Basic Counseling Skills treatment. Three research hypotheses are tested using the Analysis of Covariance (ANCOVA) while content analysis method is used to test the other two research questions. Result based on the ANCOVA show that REBT and Basic Counselling Skills treatment inculcate positive impacts on the students' (physical) aggression, parental attachment (father) and self disclosure. On the contrary, parental attachment (mother), opinion and financial state reveal negative effects even after being subjected to the REBT and Basic Counselling Skills treatment. Meanwhile, results of the qualitative approach show that with the help of the REBT, both client and counsellor foster positive relationship. It is also found that when REBT is in session, students become more willing to show and share their dimensions of self disclosure. As such, it is found that the REBT and Basic Counselling Skills treatment are effective in reducing the bouts of aggression experienced by (physically) aggressive students and students are found to be ready do disclose themselves to others.

BAB SATU

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan kesan rawatan pendekatan kaunseling individu Terapi Rasional Emosi dan Tingkah laku (REBT), Kaunseling Sedia Ada (KSA) dan Kumpulan Kawalan (KK) terhadap tingkah laku agresif, pendedahan sendiri dan perapatan keluarga dalam kalangan murid sekolah menengah. Turut dibincangkan ialah topik penyataan masalah kajian, soalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, kerangka konsep kajian, definisi konsep dan definisi operasional dalam membantu murid bertingkah laku agresif.

1.2 Latar Belakang Kajian

Fenomena tingkah agresif murid sekolah di Malaysia amat merungsingkan sehingga Menteri Pelajaran Malaysia, Muhyidin Yasin (2012), menyatakan bahawa seramai 108,605 murid sekolah terlibat dengan salah laku, termasuk tingkah laku agresif fizikal. Manakala pada tahun 2010 di negeri Kedah pembabitian murid sekolah menengah dalam kegiatan jenayah amat membimbangkan apabila seramai 344 murid terlibat dalam 221 kes jenayah (Website Polis DiRaja Malaysia, 2011/www.rmp.gov.my). Laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun 2009 turut menunjukkan peningkatan murid sekolah bertingkah laku agresif, perangkaan sebanyak 3,654 kes jenayah berat seperti rogol, ragut, samun berkumpulan dan bersenjata serta jenayah kekerasan dengan 1,409 kes membabitkan murid sekolah. Isu keganasan murid telah lama diperkatakan oleh pemimpin negara seperti Noh

Omar (2006) menyatakan pada tahun 2005, 1.74 peratus daripada 5.5 juta murid yang berada di sekolah terbabit dengan masalah disiplin, 2.07 peratus daripada 5.2 juta murid pada tahun 2004 dan 2.11 peratus daripada 5 juta murid pada tahun 2003.

Hasil dari peningkatan peratusan penglibatan murid sekolah dalam tingkah laku agresif setiap tahun seperti yang dinyatakan di atas mengerakkan Kementerian Pelajaran Malaysia menubuhkan jawatankuasa khas talian *hotline* secara langsung ke pejabat Menteri Pelajaran bagi menerima segala aduan yang melibatkan budaya samseng di sekolah. Langkah seterusnya oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menangani isu tingkah laku disiplin murid ialah mengeluarkan Surat Pekeliling Iktisas Bilangan 7 pada tahun 2011 dengan melaksanakan *Standard Operating Procedure (SOP)* bagi pelaporan dan tindakan menangani disiplin murid sekolah. Tindakan melaksanakan SOP kepada semua Pengetua dan Guru Besar sekolah di Malaysia adalah langkah pencegahan murid daripada terlibat dengan tingkah laku agresif.

Tindakan Kementerian Pelajaran Malaysia melaksanakan SOP berasaskan beberapa kes murid sekolah yang terlibat dengan tingkah laku disiplin seperti di Sekolah Menengah di Negeri Selangor, lapan murid sebuah sekolah menengah bergaduh gara-gara berebut teman wanita yang berkesudahan dua daripada mereka cedera dan dimasukkan ke hospital (Harian Metro 15 Mei 2012). Malah ada kes yang lebih kejam lagi, dengan hanya berhutang 20 sen, seorang murid Orang Kelainan Upaya (OKU) dibelasah seorang murid *senior* di sebuah sekolah di Bagan Datoh, Perak. Mangsa yang ditendang di bahagian perut dan di kepala, hampir pengsan dan

dikejarkan ke hospital oleh guru sekolah yang menyedari kejadian tersebut. (Berita Harian 23 April 2011). Manakala di Johor seorang murid tingkatan satu di Batu Pahat, Johor dipukul oleh 12 murid di sekolah menengah (Polis Di Raja Malaysia, 11 Ogos 2005 dan Data Statistik Disiplin Kementerian Pelajaran, 2009).

Contoh-contoh kes di atas adalah sebahagian dari keganasan dalam kalangan murid dan wajar dibendung dengan segera. Kadangkala keganasan murid berlaku begitu cepat sehingga tindakan pencegahan atau pemulihan tidak dapat dilaksanakan (Rosenberg,1999). Tingkah laku agresif dalam kalangan murid merupakan fenomena pemasalahan masa kini. Misalnya pergaduhan melibat tindakan fizikal yang mencetuskan permasalahan disiplin di sekolah (Marsh, Parada, Yeung dan Healey, 2001).

Hasil laporan statistik seperti di Jadual 1 menunjukkan data peningkatan tingkah laku agresif di dua buah sekolah menengah di negeri Kedah pada tahun 2010 hingga 2011.

Jadual 1.1 : Kes Murid Sekolah Terlibat Dengan Tingkah Laku Agesif Di Dua Buah Sekolah Di Kedah 2010-2011

Tingkah Laku Agresif Peningkatan	Tahun 2010	Tahun 2011	Peratus
Bergaduh secara fizikal	12	23	95%
Bergaduh berkumpulan menggunakan senjata	3	8	133%

Sumber dari rekod kaunselor di dua buah sekolah menengah di negeri Kedah 2010

Berdasarkan statistik yang ditunjukkan pada Jadual 1, peningkatan kes yang berlaku amat membimbangkan semua pihak. Data statistik di Jadual 1 mengukuhkan lagi pandangan Kementerian Pelajaran Malaysia bertapa seriusnya tingkah laku agresif murid sekolah ketika ini. Oleh itu, langkah tertentu perlu dilaksanakan untuk menangani isu ini dengan segera. Holme, (2001) menyatakan langkah bijak menangani isu ini melalui perbantuan unit perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Menurut beliau lagi usaha ini boleh dilaksanakan oleh kaunselor sekolah.

Penyataan Holme (2001) di atas turut dinyatakan oleh Bordin (1994), yang menyatakan bahawa perhubungan terapi merupakan salah satu elemen yang terdapat dalam proses kaunseling boleh membantu murid sekolah yang bertingkah laku agresif. Isu perhubungan ini telah dinyatakan secara terperinci dalam beberapa teori misalnya *Attachment Theory* oleh Bowlby, (1984); Teori Tumpuan Klien (Rogers,1951); Teori Psikoanalisis (Luborsky,1994); Teori Psikodinamik (Messer dan Warren, 1995). Kepentingan konsep perhubungan klien dan kaunselor adalah proses psikoterapi yang terbaik dan dipersetujui oleh ramai penyelidik (Binder dan Strupp, 1984; Brent dan Kolko, 1998; Follette, Naugle, dan Callaghan, 1996; Horvath dan Luborsky, 1993; Kendal dan Morris, 1991; Shirk dan Saiz, 1992; Smith-Acuna, Durlak, dan Kaspar, 1991).

Isu perhubungan dalam proses perhubungan dalam kaunseling seperti dinyatakan di atas turut merangkumi proses pendedahan sendiri seperti diperkatakan oleh Zuria, Abdul Razak, & Salleh, (2001). Menurut mereka, pendedahan sendiri

merupakan elemen penting dalam perhubungan kaunselor dengan klien. Walaupun penglibatan perhubungan klien dan kaunselor melibatkan elemen pendedahan sendiri semasa proses terapi, namun cabaran pada kaunselor adalah kepada murid bertingkah laku agresif kerana mereka mempunyai sifat dan sikap merahsiakan tingkah laku mereka kepada umum, khususnya kepada orang yang berautoriti, misalnya kaunselor dan guru (Rozelan, 1999 dan Azemi, 2002). Keenganan melakukan pendedahan sendiri boleh mempengaruhi proses kaunseling seperti menghalang proses penerokaan dalam membantu permasalahan klien.

Keenganan melaksanakan pendedahan sendiri kepada kaunselor menjadi permasalahan utama dalam keberkesanan proses kaunseling mendapat sokongan Zuria, Abdul Razak & Salleh (2001). Beliau menyatakan proses untuk mendapatkan maklumat klien, merupakan permasalahan utama bagi seseorang kaunselor. Hanya dengan wujudnya pendedahan sendiri klien, membolehkan kaunselor memahami sendiri mereka sekaligus memberi celik akal dalam membantu menyelesaikan masalah yang dikemukakan. Memberi celik akal kepada klien dalam sesi kaunseling memerlukan proses pendedahan sendiri (Zuria, Abdul Razak & Salleh 2001). Pendedahan sendiri ialah tindakan klien menyatakan maklumat peribadi serta latar belakang permasalahan mereka kepada kaunselor. Jika klien menyembunyikan maklumat dirinya dan tidak mahu difahami, maka kaunselor tidak dapat membantu klien menangani masalah yang dihadapi (Derlega, Metts, Petronio dan Margulis, 1993).

Walaupun elemen pendedahan sendiri penting dalam proses kaunseling namun ianya tidak mudah dilakukan tanpa situasi yang menggalakkan. Apabila klien

melaksanakan pendedahan sendiri, ia mengharapkan kaunselor tidak memperkecilkan ceritanya, ataupun membocorkan rahsianya. Perhubungan dalam kaunseling antara klien dengan kaunselor yang efektif bergantung kepada sejauh mana klien membuat pendedahan sendiri (Zuria Abdul Razak & Salleh, 2001).

Pentingnya elemen pendedaan sendiri turut diperkatakan oleh Bowlby (1984) berdasarkan Teori Perapatan Keluarga (*Family Attachment*). Malah beliau turut menyatakan pendedahan sendiri individu berkait rapat dengan sejarah hubungan dalam sesebuah keluarga. Menurut beliau, dalam Teori Perapatan Keluarga, kanak-kanak dan murid berkembang secara kognitif berasaskan individu yang mengambil berat terhadap mereka.

Selain dari teori Perapatan Keluarga oleh Bowlby (1984) yang menyatakan bahawa elemen pendedahan sendiri berkait rapat dengan perapatan keluarga, Hirschi, (1969); Wilson dan Herrnstein, (1985) dalam Teori Kawalan Sosial turut menyatakan perkara yang sama. Malah menurut mereka perapatan keluarga ialah satu ikatan sosial yang mempengaruhi tingkah laku, psikologikal dan emosi terhadap individu. Di samping itu kawalan sosial kanak-kanak yang mempunyai perapatan keluarga tidak akan melahirkan tingkah laku negatif atau idea yang tidak sihat (Krohn, Massey, Skinner dan Lauer, 1983).

Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengenal pasti sama ada wujud kesan rawatan pendekatan kaunseling individu Terapi Rasional Emosi dan Tingkah laku (REBT), Kaunseling Sedia (KSA) dan Kumpulan Kawalan (KK) terhadap murid bertingkah laku agresif dan pengaruh pendedahan sendiri dalam proses tersebut.

Kajian ini turut mengenal pasti faktor perapatan keluarga dan hubungannya dengan tingkah laku agresif murid sekolah.

1.3 Pemasalahan Kajian

Keganasan dalam kalangan murid sekolah adalah pemasalahan yang rumit dan wajar dibendung dengan segera. Kadangkala keganasan murid sekolah berlaku begitu cepat sehingga tindakan pencegahan atau pemulihan tidak dapat dilaksanakan (Rosenberg, 1999). Tingkah laku agresif dalam kalangan murid sekolah merupakan fenomena pemasalahan masa kini. Misalnya, pergaduhan melibatkan tindakan fizikal mencetuskan permasalahan disiplin di sekolah (Marsh, Parada, Yeung dan Healey, 2001).

Menurut Jemkins (1996), satu tindakan yang berkesan patut dilaksanakan ke atas sekolah yang muridnya bertingkah laku agresif demi menjaga keharmonian masyarakat. Antara tindakan yang boleh dilaksanakan ialah dengan menyediakan perkhidmatan kaunseling. Suasana kritikal ini telah mendorong Kementerian Pelajaran Malaysia melaksanakan pelbagai usaha seperti mewujudkan talian *hotline* dan SOP untuk menangani budaya samseng di sekolah. Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa tingkah laku agresif murid sekolah amat serius (Sumber Pekeliling Kementerian Pelajaran Malaysia, 30 Mac 2004).

Data statistik dari Jadual 1.2 di bawah membuktikan lagi peningkatan kes-kes tingkah laku agresif yang berkait rapat dengan murid-murid sekolah.

Jadual 1.2 : Kes Juvana Mengikut Negeri, 2003-2010 Yang Dilaporkan Kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat

Negeri	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Johor	585	568	381	558	751	1,019	617	655
Kedah	315	358	342	443	334	930	311	460
Kelantan	307	366	347	432	325	280	215	229
Melaka	82	97	70	77	117	153	196	191
N.Sem	479	319	263	153	246	225	181	214
Phg	266	383	342	290	182	232	431	368
Perak	583	529	519	326	713	644	264	357
Perlis	40	78	124	106	100	134	158	92
P.Pinang	512	471	351	317	317	291	334	332
Selangor	878	831	903	835	816	807	562	507
T'ganu	372	251	406	525	525	736	242	411
Labuan	9	16	0	10	0	0	18	6
K.L	296	528	777	581	874	904	192	158
Sabah	130	121	191	155	394	500	133	269
Swk	430	266	303	190	362	346	228	216

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia tahun 2012 (www.jkm.gov.my)

Jadual 1.2 menunjukkan statistik kes juvana yang berlaku di Malaysia antara tahun 2003 hingga 2010. Peningkatan kes yang berlaku di beberapa buah negeri merupakan kesinambungan kes yang berlaku di peringkat daerah dalam sesebuah negeri. Dari data statistik Jadual 1.2, menunjukkan peningkatan dan penurunan jenayah murid berlaku di seluruh negeri-negeri di Malaysia dengan peningkatan peratusan yang meningkat di negeri Kedah dari 2003 hingga 2010. Peningkatan hampir 47% dari 2009 ke 2010 berlaku di negeri Kedah. Faktor ini mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian bagi mengenal pasti sama ada perkhidmatan kaunseling yang dilaksanakan secara berkesan atau sebaliknya.

Bukti peningkatan tingkah laku agresif murid ditunjukkan dalam Jadual 1.3 di bawah.

Jadual 1.3 : Enrolmen Tahanan Juvana Di Pusat Tahanan/Pemulihan Di Malaysia 2010.

Tahun	Sekolah Pemulihan Akhlak Tunas Bakti	Sekolah Henry Gurney
2010	208	166

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia tahun 2011 (www.jkm.gov.my)

Jadual 1.3 menunjukkan data enrolmen tahanan juvana di dua buah pusat tahanan juvana di Malaysia. Kesimpulannya, murid di pusat pemulihan terlibat dengan tingkah laku agresif yang menyalahi undang-undang negara. Di sekolah murid bertingkah laku agresif wajib menghadiri sesi kaunseling selaras dengan pekeliling perkhidmatan kaunseling sebagai satu tindakan rawatan. Persoalan yang timbul ialah sejauh mana perkhidmatan kaunseling dilaksanakan dengan berkesan. Adakah proses kaunseling gagal diaplikasikan dengan berkesan seperti elemen pendedahan sendiri dan faktor perapatan keluarga dipinggir atau diabaikan?

Oleh itu, elemen pendedahan sendiri dan faktor perapatan keluarga perlu diambilkira, dan dinilai sebagai penyumbang keberkesanan proses kaunseling. Persoalan ini mengambil pendekatan yang dinyatakan oleh Freud (1913) dalam Peterson (2002):

The physician should be impenetrable to the patient, and like a mirror reflect nothing but what is shown to him "

(Petersen, 1999. m.s. 21).

Melalui pendedahan sendiri, seseorang akan menganalisis sendiri secara sadar dan membawa kepada pengalaman-pengalaman yang telah lama dilupakan. Misalnya seseorang yang pernah kehilangan insan tersayang dalam hidupnya merasa segala-galanya berubah dan berputus asa dengan keadaan sedemikian (Zamri, 2006).

Tanpa pendedahan sendiri, perhubungan dalam proses kaunseling tidak dapat dibentuk. Suasana ini menimbulkan situasi kaunselor rasa tertipu walaupun telah menjalinkan ikatan perhubungan kaunseling kerana klien menyembunyikan situasi sebenar pada kaunselor (Zuria et al. 2001). Pendedahan sendiri memberi kesan terhadap proses kaunseling kerana ia melibatkan isu-isu penting dalam mencapai matlamat yang dirancang (Khaliza, 2006).

Kemampuan klien membuat pendedahan sendiri merupakan suatu isu dalam proses kaunseling (Bowlby, 1988 dalam Shahizan, Tsai Chen Chien dan Saw Hooi Chin, 2003) menyatakan pendedahan sendiri murid agresif bukan proses mudah, kerana ia dipengaruhi oleh hubungan ibu bapa dan anak. Perhubungan ini mempengaruhi model perkembangan dalaman (*internal working model*) bermaksud pendedahan sendiri dipengaruhi oleh struktur pemikiran sendiri terhadap orang lain.

Berdasarkan *internal working model* oleh Bowlby (1988) apabila hubungan erat terjalin dalam keluarga, akan terbentuk pemikiran bahawa diri individu sebagai baik, bernilai, dikasihi, boleh dipercayai dan bertanggungjawab seterusnya memperkukuhkan keyakinan personal dan interpersonal dalam menghadapi cabaran hidup berbanding dengan individu yang rasa kurang selamat dalam hubungan keibubapaan.

Perhubungan ibu bapa dengan anak-anak menjadi faktor utama dalam perkembangan sahsiah dan tingkah laku murid. Peranan perapatan keluarga memberi impak positif terhadap tingkah laku dan penampilan murid dalam masyarakat serta hubungan yang erat antara anak dengan ibu bapa mereka (Noriah, 1999). Khaliza (2006) yang menyatakan murid menghadapi kesukaran untuk membuat pendedahan sendiri kerana mengalami suasana perapatan keluarga yang longgar. Contohnya murid yang melalui pengalaman ibu bapa bercerai dan kematian seseorang yang disayangi.

Gans (1979, 1992, 1994) menyatakan bahawa keluarga merupakan institusi yang paling hampir dengan individu, terutama kanak-kanak. Melalui keluarga, kanak-kanak dapat mengembangkan kognitif masing-masing dan dapat digunakan dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang berlaku dalam kehidupan seharian. Noriah (1999), memperkukuhkan pernyataan di atas dengan menyatakan bahawa perapatan keluarga termasuk aspek didikan ibu bapa memberi kesan mendalam terhadap perkembangan fizikal, mental dan sosial seseorang individu. Secara tidak langsung ia membentuk personaliti seseorang individu.

Kajian yang dijalankan oleh Sheldon dan William dan Goode (1985) dalam Khaliza (2006) mengaitkan kenakalan murid dengan keluarga yang berpisah membuktikan bahawa murid yang berada dalam lingkungan keluarga yang berpecah belah memberi kesan buruk kepada perkembangan kognitif dan sosial, termasuk kesediaan untuk membuat pendedahan sendiri.

Perbincangan dan perbahasan di atas dirumuskan bahawa pendedahan sendiri dan perapatan keluarga merupakan elemen penting dalam proses kaunseling. Kegagalan proses kaunseling bererti sesi kaunseling tidak mencapai matlamat mengubah tingkah laku murid agresif (Mizan Adiliah, 2005). Seperti pepatah Melayu ada menyatakan “bagai mencurahkan air ke daun keladi”. Sebanyak mana sesi dilaksanakan, jika pendedahan sendiri dan faktor perapatan keluarga murid tidak diambil kira sebelum dan semasa sesi kaunseling dilaksanakan, maka proses kaunseling berkemungkinan tidak berkesan.

Kajian ini melihat kesan rawatan kaunseling individu pendekatan REBT, KSA dan KK terhadap tingkah laku agresif, pendedahan sendiri, dan pengaruh perapatan keluarga dalam kalangan murid sekolah di negeri Kedah.

1.4 Soalan Kajian

Hasil isu dan perbincangan dalam permasalahan kajian maka lima soalan kajian di bentuk. Kajian ini dilaksanakan untuk menjawab soalan berikut:

1. Adakah terdapat perbezaan kesan kaunseling individu Terapi Rasional Emosi Tingkah laku (REBT), Kaunseling Sedia Ada (KSA) dan kumpulan kawalan (KK) terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan murid sekolah?
2. Adakah terdapat perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK berdasarkan pengaruh perapatan keluarga (ibu dan bapa), dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif?
3. Adakah terdapat perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif?

- 3.1 Adakah terdapat perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dimensi pendapat dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif ?
- 3.2 Adakah terdapat perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dimensi minat dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif ?
- 3.3 Adakah terdapat perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dimensi pelajaran dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif ?
- 3.4 Adakah terdapat perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dimensi kewangan dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif ?
- 3.5 Adakah terdapat perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dimensi personaliti dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif ?
- 3.6 Adakah terdapat perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dimensi fizikal tubuh badan dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif ?
4. Apakah pandangan murid sekolah bertingkah laku agresif terhadap hubungan dengan kaunselor dalam sesi kaunseling ?
5. Apakah pandangan murid sekolah bertingkah laku agresif terhadap pendedahan sendiri kepada kaunselor dalam sesi kaunseling ?

1.5 Objektif Kajian

Objektif umum kajian adalah untuk mengenal pasti kesan kaunseling individu Terapi Rasional Emosi dan Tingkah Laku (REBT), Kaunseling Sedia Ada (KSA) dan Kumpulan Kawalan (KK) terhadap tingkah laku agresif, pendedahan sendiri dan

pengaruh perapatan keluarga dalam kalangan murid sekolah. Manakala objektif kajian khusus adalah:

1. Mengkaji perbezaan kesan kaunseling individu Terapi Rasional Emosi Tingkah laku (REBT), Kaunseling Sedia Ada (KSA) dan kumpulan kawalan (KK) terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan murid sekolah.
2. Mengkaji perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK berdasarkan pengaruh perapatan keluarga (ibu dan bapa), dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif.
3. Mengkaji perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif.
 - 3.1 Mengkaji perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dimensi pendapat dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif.
 - 3.2 Mengkaji perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dimensi minat dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif .
 - 3.3 Mengkaji perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dimensi pelajaran dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif .
 - 3.4 Mengkaji perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dimensi kewangan dalam murid sekolah bertingkah laku agresif .
 - 3.5 Mengkaji perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dimensi personaliti dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif.
 - 3.6 Mengkaji perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dimensi fizikal tubuh badan dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif .

4. Meninjau pandangan murid sekolah bertingkah laku agresif terhadap hubungan dengan kaunselor dalam sesi kaunseling.
5. Meninjau pandangan murid sekolah bertingkah laku agresif terhadap pendedahan sendiri kepada kaunselor dalam sesi kaunseling.

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis-hipotesis berikut dikemukakan bagi menjawab soalan kajian. Pengujian hipotesis yang dilakukan (H_a), berdasarkan kajian literatur dan teori dalam kajian ini, dan menggunakan aras keyakinan alpha 0.05.

- Ha1: Terdapat perbezaan kesan kaunseling individu Terapi Rasional Emosi Tingkah laku (REBT), Kaunseling Sedia Ada (KSA) dan kumpulan kawalan (KK) terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan murid sekolah.
- Ha2: Terdapat perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK berdasarkan pengaruh perapatan keluarga (ibu) dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif.
- Ha2.1: Terdapat perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK berdasarkan pengaruh perapatan keluarga (bapa) dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif.
- Ha3: Terdapat perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif.
- Ha3.1: Terdapat perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dimensi pendapat dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif.
- Ha3.2 Terdapat perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dimensi minat dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif.

Ha3.3 Terdapat perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dimensi pelajaran dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif.

Ha3.4: Terdapat perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dimensi kewangan dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif.

Ha3.5: Terdapat perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dimensi personaliti dalam kalangan murid sekolah bertingkah laku agresif.

Ha3.6: Terdapat perbezaan kesan kaunseling individu REBT, KSA dan KK terhadap pendedahan sendiri dimensi fizikal dan tubuh badan dalam murid sekolah bertingkah laku agresif.

1.7 Rasional Kajian

Kajian ini meneliti kesan proses kaunseling individu Terapi Rasional Emosi dan Tingkah laku (REBT), Kaunseling Sedia Ada (KK) dan Kumpulan Sedia Ada (KK) oleh kaunselor terhadap murid yang dikategorikan sebagai bertingkah laku agresif. Kajian turut mengenal pasti pengaruh pendedahan sendiri dan perapatan keluarga. Kajian dilaksanakan di sekolah kerana:

- i. pusat tumpuan murid ialah di sekolah, kerana peringkat umur murid antara 12 tahun hingga 18 tahun sepatutnya berada di alam persekolahan.
- ii. perkhidmatan kaunseling wajib dilaksanakan di sekolah berasaskan pekeliling Kementerian Pelajaran Malaysia (Pekeliling KPM KP5209/35/9 (4).
- iii. penguatkuasaan Akta Kaunselor 580 (1998), dan Kod Etika Kaunselor (2011) mengharapakan perkhidmatan kaunseling yang profesional.

Kajian turut mengambil kira pendapat Nikelly (1977) dalam Teori Penyesuaian Kendiri, iaitu murid rasa selesa dan dihargai apabila dibimbing untuk berdikari dalam pemikiran, emosi dan tingkah laku secara rasional. Beliau juga menyatakan bahawa murid yang mampu menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan akan bertingkah laku positif. Pandangan Nikelly (1977) diambil kira dalam kajian ini melalui pendekatan kaunseling individu pendekatan REBT digunakan sebagai tindakan intervensi terhadap murid bertingkah laku agresif.

Kajian ini turut mengambil kira kenyataan Nancy dan Christopher (2004) yang menyatakan pendekatan menangani murid bertingkah laku agresif berasaskan proses kaunseling.

“assessing children and adolescents for potential violent behavior requires an organized approach that’s draws on clinical knowledge, a thorough diagnostic interview, and familiarity with relevant risk and protective factors”
(Nancy & Christopher 2004, muka surat 260 – 277)

Nancy dan Christopher (2004), mencadangkan pendekatan terbaik menghadapi situasi murid bertingkah laku agresif dengan menggunakan intervensi Terapi Kognitif dan Tingkah Laku. Manakala Sturmey (2004), turut mencadangkan beberapa pendekatan dalam menangani masalah tingkah laku agresif, seperti pendekatan kaunseling, psikoterapi dan terapi kognitif.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilaksanakan mempunyai impak tinggi dalam perkembangan dan pementapan pelaksanaan perkhidmatan kaunseling khususnya terhadap murid

bertingkah laku agresif. Kepentingan kajian ini diklasifikasikan dalam konteks berkepentingan am dan berkepentingan khusus.

1.8.1 Berkepentingan Am Dalam Perkhidmatan Kaunseling Terhadap Murid Sekolah Bertingkah Laku Agresif

Dalam menghadapi cabaran dan permasalahan yang lebih kompleks terutamanya di alaf baru ini, kaunselor perlu lebih berketrampilan dan menyediakan diri dengan pelbagai teknik dan pendekatan dalam rawatan tingkah laku agresif. Pada prinsipnya rawatan REBT memberi perhatian yang berat terhadap keperluan dan masalah klien secara spesifik. Kaunselor perlu sensitif dan responsif terhadap perkara ini, agar pendekatan dan teknik intervensi yang bersesuaian mengikut tahap perkembangan dan kemajuan pemulihan klien, dapat dibina dan dilaksanakan. Kaunseling amat penting dalam kehidupan manusia kerana ia merupakan proses tolong-menolong antara individu dengan individu yang lain.

Dalam konteks keagamaan, Islam mewajibkan setiap orang yang berkuasa membantu orang yang tidak berkuasa. Setiap manusia tidak terlepas daripada pelbagai masalah hidup. Hal ini disebabkan fitrah manusia sudah dijadikan oleh Allah S.W.T sebagai makhluk yang lemah.

Hanya dengan akal fikiran sahajalah manusia boleh mengatasi kelemahan dan menentukan baik buruk tingkah laku seseorang. Sebagaimana firman Allah:

Maksudnya:

“Allah ingin memberikan keringanan bagimu kerana manusia itu dicipta bersifat lemah”

Ayat An- Nisa 28

Seterusnya Rasullulah s.a.w bersabda maksudnya;

“Sesiapa yang menyejukkan mata seorang mukmin menghilangkan kesusahannya), nescaya Allah akan menyejukkan matanya di hari Kiamat ”

Sabda baginda lagi :

“Sesiapa yang melapangkan diri seorang mukmin yang sedang dalam kesusahan, atau menolong seorang mukmin yang teraniaya, nescaya ia akan diampunkan dosanya. Sebaik-baik manusia ialah yang lebih bermanfaat kepada manusia lain”

(Hadis riwayat Thabrani)

Dapatan kajian membantu kaunselor merancang dan melaksanakan sesi kaunseling yang berkesan terhadap murid bertingkah laku agresif. Kajian turut memantapkan kurikulum pendidikan kaunseling di universiti, Institut Pendidikan Guru Malaysia dan institusi pengajian yang berkaitan dengan kursus pendidikan kaunseling.

1.8.2 Berkepentingan Khusus Intervensi REBT Terhadap Murid Sekolah Bertingkah Laku Agresif

Kajian boleh membantu kaunselor dalam memantapkan dan mempelbagaikan kaedah dan penggunaan teknik kaunseling apabila berhadapan dengan murid sekolah yang bertingkah laku agresif. Pendekatan intervensi REBT menjadi kerangka atau panduan rawatan intervensi yang lebih efisien terhadap murid bertingkah laku agresif.

Kajian ini membantu ahli masyarakat untuk menghadapi atau menyelesaikan pelbagai cabaran dan permasalahan sendiri murid seharian, maka beberapa elemen pertolongan boleh dijalankan melalui intervensi kaunseling. Antaranya termasuk usaha menyediakan perkhidmatan dan maklumat kepada kaunselor, pendidik, Jabatan Polis, Jabatan Penjara, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Badan Pertubuhan Sukerela (NGO) dengan memberitahu (*information giving services*), perkhidmatan memberi nasihat (*advice-giving services*), perkhidmatan memberi bimbingan (*guidance-giving services*) dan perkhidmatan konsultasi kaunseling (*consultation counseling services*) dalam menghadapi fenomena murid bertingkah laku agresif (Ellis, 2006; Bernard, 2004; Agosto dan Solomon, 1978).

1.9 Limitasi Kajian

Kajian ini terbatas kepada murid sekolah menengah tingkatan satu hingga tingkatan enam rendah sekolah - sekolah menengah semua daerah di negeri Kedah dalam masa enam bulan. Murid sekolah kelas peperiksaan dari tingkatan tiga dan lima tidak dilibatkan dalam kajian ini, kecuali dibenarkan oleh pihak pengurusan sekolah terbabit. Manakala sesi kaunseling hanya dilaksanakan oleh kaunselor menggunakan Terapi Rasional Emosi dan Tingkah laku (REBT) atau Kaunseling Sedia Ada (KSA) kepada sampel kajian. Kaunselor yang terpilih untuk kajian ini telah melalui kursus *Training of Trainer (TOT)*. Kaunselor terlatih yang dipilih untuk program TOT ini diwajibkan lulus sekurang-kurang ijazah sarjana muda dalam bidang kaunseling di universiti – universti dalam dan luar negara secara pengajian sepenuh masa. Limitasi kajian ialah terdapat hampir 40% kaunselor sekolah di negeri

Kedah memperoleh ijazah dalam bidang kaunseling secara pengajian pendidikan jarak jauh (PJJ), kursus pendidikan lepasan Ijazah (KPLI) dan ijazah bukan bidang kaunseling (Sumber: Unit Kaunseling Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, 2010)

Kajian menggunakan metodologi kuasi eksperimen, ujian pra dan pasca rawatan REBT, KSA dan KK. Jangka masa sebelum dan selepas rawatan, kadangkala dipengaruhi oleh aktiviti pembinaan sahsiah oleh pihak sekolah yang boleh mempengaruhi kesan rawatan yang diberikan kepada sampel kajian. Malah aktiviti – aktiviti ini turut mempengaruhi sampel kumpulan kawalan. Limitasi terakhir adalah kajian ini hanya dijalankan di negeri Kedah sahaja maka ia tidak boleh mewakili keputusan untuk semua murid bertingkah laku agresif di seluruh Malaysia.

1.10 Definisi Konsep

Definisi konsep membincangkan konsep-konsep bagi variabel kajian ini. Definisi konsep menerangkan secara konseptual variabel bersandar dan bebas yang dilaksanakan dalam kajian.

1.10.1 Kaunseling Individu

Menurut Lembaga Kaunselor Malaysia (2003), kaunseling ialah satu proses sistematik untuk membantu klien berasaskan prinsip-prinsip psikologi oleh kaunselor terlatih dan berdaftar, agar proses tersebut mencapai satu perubahan, kemajuan dan penyelesaian yang holistik, baik dan secara sukarela pada diri klien. Perubahan, kemajuan dan penyesuaian sendiri klien akan berterusan sepanjang hayat.

Manakala Mizan Adiliah Ibrahim dan Halimatun Halaliah Mokhtar (2005), mendefinisikan kaunseling individu sebagai perhubungan yang profesional antara seorang kaunselor yang terlatih dengan seorang klien. Corey (2012) pula mendefinisikan kaunseling individu sebagai aktiviti beretika yang dilakukan oleh kaunselor terlatih dalam usaha membantu mengubah pemikiran, emosi dan tingkah laku yang mendorong kepada penyelesaian masalah klien.

Menurut Persatuan Bimbingan dan Personel Amerika (1980) dalam Corey (2012), kaunseling individu ialah penggunaan prosedur kaunseling untuk membantu klien melalui kaedah menyelesaikan masalah. Pendapat Burks dan Steffire (1979) dalam Mizan Adiliah et.al (2005) menyatakan bahawa kaunseling adalah perhubungan profesional antara seorang kaunselor terlatih dengan klien bersifat “*person-to-person*” bagi menyelesaikan masalah emosi dan interpersonal.

Kesimpulannya, kaunseling individu merujuk kepada satu proses yang bersistematik membantu klien mendapat celik akal dalam menyelesaikan segala halangan dalam emosi, pemikiran dan tingkah laku klien.

1.10.2 Terapi Rasional Emosi Dan Tingkah Laku.

Pendekatan REBT merujuk kepada teori terapi berteraskan pemikiran rasional, emosi dan tingkah laku klien yang diasaskan oleh Albert Ellis (1959). Konsep REBT, membawa maksud kaunselor dan klien belajar mengamalkan konsep pandangan, kepercayaan dan menilai sesuatu permasalahan psikologikal melalui pembelajaran yang dikenali sebagai model ABC.

Model ABC dalam terapi REBT, menyatakan A membawa bermaksud peristiwa yang dilalui oleh klien sehingga membawa kepada pemasalahan dalam emosi dan tingkah laku. Peristiwa yang dilalui oleh klien memberi kesan terhadap kepercayaan tidak rasional individu yang dikenali sebagai komponen B, seterusnya membawa kepada perubahan emosi dan bertingkah laku, yang dikenali sebagai komponen C.

Kesimpulannya terapi REBT adalah proses membantu agar klien mendapat celik akal melalui perbahasan dan merasionalkan kognitif. Merasionalkan pemikiran negatif akan membantu klien merubah emosi dan tingkah laku.

1.10.3 Pendedahan Kendiri

Farber (2006), menyatakan pendedahan sendiri adalah perlakuan menyatakan sesuatu isu sendiri secara sedar dan tidak sedar kepada orang lain. Perlakuan tersebut bermaksud isu pemikiran, emosi, perasaan, aspirasi, matlamat, kegagalan, kejayaan, takut, mimpi dan apa jua perkara yang berada dalam pemikiran individu tanpa mengira isu yang disukai dan sebaliknya.

Beebe dan Redmond (2011), menyatakan pendedahan sendiri sebagai satu proses pemindahan maklumat, perasaan, idea dan pemikiran sendiri kepada individu lain. Adler, Rosenfeld dan Towne (1999) menyatakan pendedahan sendiri sebagai aliran sumber maklumat, idea dan sikap dari seseorang kepada orang lain.

1.10.4 Tingkah laku Agresif

Menurut Kamus Dewan (2003), tingkah laku agresif didefinisikan sebagai perlakuan yang menyimpang atau melencong dari norma tingkah laku kebiasaan. Azizi (2005), menyatakan bahawa tingkah laku agresif sebagai tingkah laku yang melanggar norma-norma kebiasaan masyarakat.

Manakala Salasiah (2009), mendefiniskan tingkah laku agresif sebagai tingkah laku yang tidak memenuhi norma sosial sesuatu kelompok manusia atau masyarakat. Kesimpulan dari definisi di atas dapat diklasifikasikan tingkah laku agresif, sebagai tingkah laku yang bertentangan dengan norma dan peraturan yang telah ditetapkan oleh masyarakat.

1.10.5 Murid Sekolah

Istilah murid sekolah dalam Bahasa Inggeris dinyatakan sebagai *student* yang berasal dari perkataan Latin *Discipulus*, bermaksud membesar menjadi matang. Menurut Rogers, (1995) murid sekolah merupakan zaman manusia yang berusia sekitar tujuh tahun hingga 18 tahun sedang melalui proses ke alam kedewasaan. Zaman murid dipenuhi pelbagai cabaran dan dikenali sebagai zaman *storm and stress*. Selain itu, zaman murid mengalami perubahan biologikal, fizikal dan emosi. Murid akan menghadapi konflik sendiri dalam memenuhi keperluan jantina, egoistik, tingkah laku tidak menentu, kesempurnaan sendiri dan emosi (Salasiah, 2009).